

**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**PEWARTAAN FATWA DALAM KESALAHAN BERHUBUNG
AMALAN KHURAFAT DAN AJARAN SESAT DI NEGERI
SEMBILAN: SUATU ANALISIS***GAZETTEMENT OF FATWAS IN OFFENCES RELATING TO HERESY AND
DEVIANT TEACHING IN NEGERI SEMBILAN: AN ANALYSIS*Mohd Kamel Mat Salleh^{1*}, Nor Saadah Musa², Nasif Sidquee Pauzi³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: mohdkamel@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: norsa3845@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban 3, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.

Emel: nasifsidquee@uitm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 20.10.2023

Revised date: 15.11.2023

Accepted date: 17.12.2023

Published date: 26.12.2023

To cite this document:

Salleh, M. K. M., Musa, N. S., & Pauzi, N. S. (2023). Pewartaan Fatwa dalam Kesalahan Berhubung Amalan Khurafat dan Ajaran Sesat di Negeri Sembilan: Suatu Analisis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (34), 159-177.

DOI: 10.35631/IJLGC.834012**Abstrak:**

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (JMKNNS) telah mengeluarkan beberapa fatwa berkaitan amalan khurafat dan ajaran sesat yang bercanggah dengan Akidah Islam. Pengharaman ini bertujuan untuk mengelakkan masyarakat agar tidak terbabat dengan perkara yang boleh membatalkan iktikad dan kepercayaan mereka. Persoalan yang timbul, apakah fatwa kesalahan amalan khurafat dan ajaran sesat ini diwartakan di Negeri Sembilan? Jika fatwa ini tidak diwartakan ia boleh menjejaskan penguatkuasaan kes jenayah syariah bahkan memberi implikasi negatif kepada masyarakat rentetan tindakan undang-undang yang tidak dapat diambil. Artikel ini akan mengenal pasti beberapa fatwa terpilih untuk dianalisis kewajaran dan justifikasi pengharaman dan pewartaannya di Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan metod analisis dokumen dengan merujuk kepada fatwa-fatwa terpilih yang dikeluarkan oleh JMKNNS membuktikan ajaran sesat dan khurafat sama ada yang diwartakan atau sebaliknya. Kajian ini mendapati terdapat unsur khurafat dan penyelewengan akidah yang jelas telah diamalkan oleh kumpulan tertentu menyebabkan fatwa berkaitannya diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri. Ia difatwa dan diwartakan sebagai sesat dan menyeleweng dari ajaran Islam sebenar. Ini menggambarkan Kerajaan Negeri Sembilan mengambil serius tentang bahaya amalan khurafat dan ajaran sesat

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



dan ia mesti dibendung penyebarannya di negeri ini. Kajian ini penting bagi menjelaskan bahaya pemahaman dan pengamalan salah yang boleh menyebabkan pengamalannya tergelincir dari akidah yang berpaksikan kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah. Secara tidak langsung ia amat wajar diwartakan supaya menjadi panduan kepada masyarakat Islam Negeri Sembilan untuk beramal secara tepat dan menjauhi sebarang unsur yang boleh dikaitkan dengan penyelewengan akidah ini.

Kata Kunci:

Khurafat, Ajaran Sesat, Fatwa, Warta, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan.

Abstract:

The State Mufti Department of Negeri Sembilan (JMKNNNS) has issued fatwas addressing practices of heresy and deviant teachings conflicting with Islamic creed, aiming to safeguard the community's beliefs. This study examines the *gazettement* status of these fatwas in Negeri Sembilan, exploring potential implications on the enforcement of Sharia criminal cases. Utilizing document analysis, the research identifies selected fatwas, finding clear instances of heresy and doctrinal deviation practiced by specific groups. The State Fatwa Committee has decisively labeled these practices as deviant from true Islamic teachings. The study underscores the state government's commitment to curbing the dangers of heresy and deviant teachings. Its proclamation serves as a crucial guide for the Islamic community in Negeri Sembilan, emphasizing the need for adherence to correct practices and avoidance of any elements associated with doctrinal deviation.

Keywords:

Heresy, Deviant Teachings, Fatwa, Gazette, State Mufti Department Of Negeri Sembilan.

Pengenalan

Islam adalah agama yang mengambil berat persoalan akidah dan perkara yang membatalkannya. Penerimaan suatu amalan bergantung kepada cara dan kaedah pelaksanaannya adakah bertepatan dengan kehendak syarak atau bercampur aduk dengan unsur yang bercanggah dengan prinsip Islam. Akidah boleh gugur dan terbatal melalui perbuatan, perkataan dan iktikad (Muhammad Naim, t.th). Segala bentuk khurafat sama ada amalan atau kepercayaan yang boleh membawa kepada syirik adalah tertolak dan dianggap bercanggah dengan dengan ajaran Islam. Dapatan Fadzli Adam, Firdaus Khairi & Abd Hakim (2014) menjelaskan bahawa amalan khurafat ini termasuk dalam *al-bid'ah al-i'tiqadiyyah* yang terangkum di dalamnya aspek perbomohan, telekan, tangkal azimat dan sebagainya.

Al-Mu'jam al-Wasit (1972) mendefinisikan khurafat sebagai cerita-cerita yang mempersonakan yang dicampuradukkan dengan perkara dusta. Dalam *al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah* (2012), khurafat ialah cerita yang sebenar-benar dusta. Idris al-Marbawi (1998) dalam kamusnya mendefinisikan khurafat sebagai cerita karut. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula mendefinisikan khurafat sebagai kepercayaan yang karut, dongeng dan tahyul. Dalam *Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam* (1991), khurafat bermaksud perbuatan yang didorong oleh kepercayaan yang bertentangan dengan syariat dan akal. Manakala dalam *Kamus Pengetahuan Islam* (1976), khurafat membawa maksud perkara-perkara karut yang

bertentangan atau tidak ada dalam ajaran Islam, contohnya mandi safar, puja pantai dan sebagainya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ajaran dari segi bahasa bermaksud segala sesuatu yang diajarkan manakala sesat pula membawa maksud tidak mengikut jalan yang betul dan menyimpang dari jalan yang benar. Dapat disimpulkan di sini bahawa ajaran sesat bermaksud setiap perkara ataupun tindakan yang mendorong kepada sesuatu yang bertentangan dengan syariat Islam yang sebenar (Nur Hafiza & Khazri, 2022).

Menurut Panel Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (JAKIM, 2010), ajaran sesat didefinisikan sebagai: “sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa bahawa ajaran dan amalan tersebut adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam sedangkan hakikat ajaran dan amalan yang dibawa itu bertentangan daripada Islam yang berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Dalam konteks pengukuhan dalam pengamalan ajaran Islam di Negeri Sembilan, pihak yang berautoriti dalam mengeluarkan hukum dan fatwa adalah Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan (JMKNNNS). Institusi ini bertanggungjawab mengeluarkan fatwa bagi memandu masyarakat dalam pelaksanaan Islam yang tepat bagi mengelakkan dari pegangan dan ajaran yang salah termasuk mewartakan fatwa berkaitan dengan amalan khurafat dan ajaran-ajaran sesat lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan pengamalan tarekat dan tasawuf di Negeri Sembilan.

JMKNNNS telah menubuhkan Bahagian Tarekat Tasawuf pada tahun 2007 sebagai satu pendekatan serius untuk mengawal selia segala kegiatan tarekat di negeri ini. Langkah ini diperkemas seterusnya melalui kewujudan Enakmen Tarekat Tasawuf Negeri Sembilan 2005 yang mula dikuatkuasakan pada 2006. Ia berperanan penting sebagai satu polisi yang digunapakai oleh pihak pengurusan bagi menjalankan proses pendaftaran, pengawalan, prosedur penyiasatan dan pembatalan status kelulusan sesuatu tarekat tasawuf yang bermasalah (Mohammad Fahmi & Ishak, 2017). Maka apabila munculnya kumpulan tarekat atau ajaran yang meragukan berunsur khurafat dan sesat ia lebih mudah dikesan untuk difatwakan pengharamannya.

Justeru, penyelewengan akidah, pengamalan salah dan sesat serta khurafat mestilah dibentaras. Jika dibiarkan berleluasa dan tidak diberi tumpuan yang bersungguh-sungguh, golongan yang membawa ajaran menyeleweng ini akan menjadi barah dan merosakkan akidah masyarakat keseluruhannya. Akhirnya, ajaran seperti ini akan membawa kepada perpecahan kepada ummah itu sendiri (Nur Aisyah Asyikin & Engku Ahmad Zaki, 2022). Fatwa pengharaman ajaran sesat dan berunsur khurafat ini amat penting untuk dihebahkan kepada masyarakat agar terhindar dari pengamalan salah ini, terutamanya dalam konteks umat Islam di Negeri Sembilan khususnya dan Malaysia amnya. Dalam masa yang sama ia wajar diwartakan kerana fatwa yang diwartakan akan menjadi sebahagian dari undang-undang dan tindakan penguatkuasaan boleh dilakukan kepada mereka yang melanggarnya.

Walaupun zaman semakin moden dan membangun, masih terdapat segelintir umat Islam yang mempercayai perkara karut dan yang berunsur khurafat. Teguran yang diketengahkan oleh Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr Wan Salim (2023) berkenaan kononnya berlaku bala pada

rabu terakhir bulan Safar adalah satu bentuk kepercayaan yang mesti ditolak. Amalan khurafat yang bertitik tolak daripada kepercayaan syirik ini perlu dielak bagi memelihara akidah umat Islam.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan metod pengumpulan data analisis dokumen. Manakala untuk penganalisan data, metod yang digunakan ialah analisis teks, kaedah deskriptif dan metod tematik.

Analisis Dokumen

Dokumen yang dijadikan rujukan melibatkan bahan penulisan seperti buku, artikel jurnal, kertas kerja seminar dan penulisan umum berkaitan khurafat dan ajaran sesat. Dokumen dalam bentuk fatwa yang dikeluarkan oleh JMKNNNS berhubung khurafat dan ajaran sesat yang diwartakan juga dirujuk dan dianalisis. Namun hanya fatwa terpilih sahaja yang diketengahkan dalam kajian ini sebagai sampel yang boleh menggambarkan bentuk kesalahan khurafat dan ajaran sesat lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama. Analisis dokumen digunakan sebagai metod kajian bertujuan untuk meneliti dan mengenalpasti isu berkenaan ajaran sesat dan khurafat yang dibincangkan samada dari sudut hukum dan fatwa, ciri-ciri dan faktor kenapa ia diharamkan dalam Islam. Menurut Ahmad Sunawari (2009), analisis dokumen yang turut disebut sebagai analisis kandungan selalunya digunakan melalui pemeriksaan yang sistematik ke atas rekod dan dokumen, maka dalam kajian ini, dokumen dalam bentuk tulisan tangan atau bercetak termasuk bahan atas talian (*online*) adalah antara dokumen yang akan dianalisis.

Tatacara Penganalisan Data

Proses penganalisan data bermula dengan pengumpulan data. Menurut Zanaton (2011), S.B. Merriam (2009) R.C. Bogdan & S.K. Biklen (2003) dan Miles & Huberman (1994), kedua-dua proses ini boleh berjalan seiring. Ia dijalankan secara berterusan bagi melancarkan proses pengumpulan data sehingga proses penganalisan data diurus secara sistematik. Justeru, untuk tujuan penganalisan data dan ulasan, pengkaji menggunakan metode yang diperlukan dalam sesuatu penyelidikan iaitu:

Analisis Teks

Kaedah ini digunakan untuk menganalisis data dalam bentuk teks yang diperolehi daripada dokumen dan rekod penulisan berkaitan khurafat dan ajaran sesat merangkumi pelbagai sumber yang dikumpulkan iaitu buku, artikel jurnal, kertas kerja seminar, penulisan umum dan keputusan fatwa JMKNNNS. Analisis tersebut disusun dalam bentuk deskriptif dan tematik.

Kaedah Deskriptif

Data-data yang diperolehi melalui teks dan dokumen dianalisis dan dibentangkan dalam bentuk deskriptif dengan menjelaskan berkenaan dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan di Negeri Sembilan yang berkait dengan kesalahan khurafat dan ajaran sesat. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat membentangkan fatwa-fatwa terpilih yang telah difatwa dan diwartakan di Negeri Sembilan. Ini membuktikan keseriusan pihak berautoriti agama di Negeri Sembilan untuk membasmi fahaman-fahaman yang bersalahan dengan akidah Islam.

Metod Tematik

Pengkaji menggunakan kaedah tematik dalam kajian ini dengan meneliti tema-tema yang dikesan daripada penemuan data-data kajian. Beberapa tema utama telah dibentuk yang

menggambarkan dapatan keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Tema utama yang dapat dikemukakan dalam penulisan ini ialah kesalahan berkaitan khurafat dan ajaran sesat itu sendiri yang menjadi fokus utama kajian yang membawa kepada fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan di Negeri Sembilan. Begitu juga kepada sebab dan ciri-ciri salah yang ada pada amalan khurafat dan ajaran sesat itu sendiri menjadi faktor utama kepada pengharaman amalan tersebut.

Sorotan Penulisan

Khurafat Menurut Perspektif Islam dan Hukum Beramal Dengannya

Semua amalan dan kepercayaan yang tidak bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qias dianggap perbuatan meyeleweng dari ajaran Islam. Perkara ini telah diperingatkan melalui hadis Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Aishah RA yang bermaksud:

“Barangsiapa yang mengada-adakan dalam agama kami sesuatu yang tidak ada di dalamnya, maka yang dikerjakannya itu adalah tertolak”

(HR Muslim)

Begitu juga dengan sandaran hadis lain riwayat Aishah RA, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Barangsiapa mengerjakan sesuatu pekerjaan yang tiada dalam agama kami, maka yang dikerjakannya itu tertolak”

(HR Muslim)

Mempercayai ciri-ciri dan bentuk-bentuk khurafat adalah suatu yang dilarang dan boleh merosakkan akidah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Percaya kepada burung itu syirik, percaya kepada burung itu syirik, dan tiada seorang pun dari kita melainkan dilanda oleh perasaan itu, akan tetap Allah menghilangkannya tawakkal”

(HR Abu Daud)

Para ulama menyebutkan bahawa contoh burung itu termasuklah biawak, gagak, kelicap dan sebagainya.

Menggunakan perantara atau kepercayaan kepada anasir selain Allah adalah suatu larangan dan ditegah syarak. Ia bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan janganlah engkau (wahai Muhammad) menyembah atau memuja yang lain dari Allah, yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepadamu dan juga tidak dapat mendatangkan mudharat kepadamu. Oleh itu, sekiranya engkau mengerjakan yang demikian, maka pada saat itu menjadilah engkau dari orang-orang yang berlaku zalim (terhadap diri sendiri dengan perbuatan syirik itu)”

(Surah Yunus 10:106)

Ciri-Ciri Khurafat

Kajian Nur Aisya Asyikin & Engku Ahmad Zaki (2022) dan Engku Ahmad Zaki (2007) telah menyenaraikan ciri-ciri ajaran sesat yang terdapat dalam satu-satu ajaran atau mazhab yang boleh menyebabkan pengamalannya hilang akidah dan sesat, antaranya ialah:

- i. Guru atau individu yang mengaku menerima wahyu
- ii. Percaya wahyu masih turun
- iii. Mengaku dirinya atau gurunya sebagai nabi atau Nabi Isa.
- iv. Mempercayai bahawa terdapat nabi dan rasul lain selepas Nabi Muhammad
- v. Sengaja mengubah ayat dan makna al-Quran.

Menurut Garis Panduan Khurafat dan Azimat Menurut Perspektif Islam (1996), antara ciri-ciri khurafat ialah:

- i. Tidak didasarkan pada nas-nas syarak sama ada al-Quran atau al-Hadis
- ii. Cerita-cerita rekaan, dongeng, khayalan atau kepercayaan karut
- iii. Bersumberkan kepada kepercayaan-kepercayaan lama dan adat yang bercanggah dengan Islam
- iv. Berbentuk pemujaan dan permohonan kepada makhluk halus untuk tujuan yang memudaratkan dan memudharatkan dan menyeleweng dari akidah Islam
- v. Menggunakan objek-objek tertentu seperti kubur, pokok dan sebagainya untuk tujuan yang tertentu
- vi. Mempunyai unsur-unsur negatif pada akidah dan syariat Islam

Ciri-ciri ini sememangnya terdapat dalam beberapa kumpulan ajaran sesat yang difatwakan pengharamannya di Negeri Sembilan. Kebiasaannya kemunculan ajaran sesat sering dikaitkan dengan ciri-ciri tersebut.

Bentuk-Bentuk Khurafat

Antara bentuk khurafat menurut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ialah:

- i. Kepercayaan kepada keramat seperti kubur, pokok kayu, telaga keramat, batu, bukit, tongkat dan sebagainya
- ii. Kepercayaan kepada sial majal seperti adat mandi safar, adat mandi membuang sial dan sebagainya
- iii. Kepercayaan kepada jin dan memohon pertolongan darinya seperti adat memuja kampung, adat merenjis tepung tawar, adat memuja pantai dan sebagainya
- iv. Kepercayaan kepada bertambah dan berkurangnya rezeki seperti adat memuja semangat padi yang dilakukan oleh petani-petani seperti bersemah (memuja semangat padi) dan membuang ancak di sungai dan laut serta bermain pantai
- v. Kepercayaan kepada petanda-petanda dan pantang larang seperti tidak boleh melihatkan bayi di muka cermin kerana kelak ia akan mati di dalam air, tidak boleh keluar rumah ketika gagal berbunyi takut mendapat sial atau bala dan sebagainya
- vi. Percaya kepada ramalan-ramalan bintang, angka-angka atau rajah-rajah tertentu
- vii. Memuja objek-objek tertentu, roh nenek moyang, kubur-kubur yang dianggap wali dan sebagainya.

Bentuk-bentuk khurafat ini juga terdapat dalam beberapa kumpulan ajaran sesat yang difatwakan pengharamannya di Negeri Sembilan. Kajian Fadzli Adam, Firdaus Khairi & Abd Hakim (2014) mendapati bahawa pengaruh bomoh sering mendasari kepercayaan masyarakat untuk menyelesaikan pelbagai krisis dan penyakit yang menimpa. Masih ramai orang-orang Melayu yang beragama Islam terpengaruh kepada unsur mistik perbomohan ini dan terpesona dengan tawaran para dukun yang dipercayai boleh mengubat serta merawat penyakit mereka yang terkena sihir mahupun ilmu hitam. Semua ini amat berkait rapat dengan anutan agama

hindu, kepercayaan animisme dan dinamisme orang-orang Melayu sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu (Mohd. Yusoff, 1995). Mohd Izhar Ariff (2016) pernah menimbulkan isu keterlibatan orang Islam dengan kepercayaan tangkal untuk melariskan perniagaan dengan melakukan perbuatan menanam uri bayi di kawasan masjid kononnya anak akan menjadi soleh dan solehah.

Kepentingan Pewartaan Fatwa yang Berkait dengan Khurafat dan Ajaran Sesat

Fatwa yang diwartakan mempunyai implikasi undang-undang kerana dikeluarkan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (Zaini & Nur Hazirah (2022), Mohd. Kamel & Mohd Al-Adib (2020), Muna (2021) dan Zanariah (2020)). Pewartaan fatwa juga penting untuk melancarkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan bagi memelihara kesucian agama dari diseleweng dan disalahguna terutama apabila dikaitkan dengan perkara yang menyeleweng seperti khurafat dan ajaran sesat.

Menurut Khadijah & Mohd Zaidi (2022), fatwa yang berkaitan dengan akidah dan pengharaman ajaran sesat adalah fatwa yang kerap dikeluarkan dan diwartakan oleh Jabatan Mufti Negeri-negeri. Tujuannya ialah supaya akidah umat Islam di Malaysia terpelihara dari penyelewengan dan terus berpegang dengan iktikad *Ahli Sunnah wal Jama'ah*. Dalam masa yang sama ia akan dapat mengawal dan menyekat dari tersebar kepada individu muslim yang lain. Ini bertepatan dengan apa yang dikemukakan oleh Zanariah (2020 & 2019) bahawa penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri dilihat lebih tertumpu kepada kesalahan berhubung akidah, ajaran sesat dan kesusilaan.

Institusi kefatwaan di peringkat Persekutuan dan negeri sentiasa berusaha memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang melalui pewartaan fatwa akidah dan ajaran sesat ini melalui pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan kerajaan negeri melalui enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Kerjasama padu antara MKI dan Majlis Agama Islam Negeri ini memperlihatkan kesungguhan negara membanteras ajaran sesat, fahaman dan aliran yang menyeleweng daripada ajaran Islam ini (Khadijah & Mohd Zaid, 2022). Malah JAKIM sebagai urusetia penyelarasan berkaitan isu kefatwaan di peringkat Persekutuan juga ada menerbitkan buku menghimpunkan fatwa-fatwa yang diwartakan di peringkat negeri (JAKIM, 2013).

Justeru dalam kajian ini dikemukakan beberapa fatwa yang diwartakan berkaitan kesalahan akidah seperti khurafat dan ajaran sesat. Ini menunjukkan betapa pentingnya kepada orang Islam untuk berpegang kepada ajaran akidah yang betul bagi mengelakkan dari perlakuan salah yang boleh menyebabkan kegelinciran iman. Kerosakan akidah boleh menyebabkan terbatalnya segala amalan lain adalah antara faktor yang memungkinkan pihak kerajaan Negeri mengambil pendekatan serius mewartakan ajaran salah bagi memelihara masyarakat dari terjerumus ke dalam amalan dan kepercayaan yang menyesatkan. Salah satu kaedah membantas penyelewengan akidah ini ialah dengan mewartakan fatwa berkaitan dengannya agar tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan dapat dijalankan melalui proses mahkamah.

Dapatan Kajian

Fatwa Terpilih Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus Berkaitan Kesalahan Khurafat dan Ajaran Sesat

Fatwa yang dikeluarkan dan diwartakan oleh JMKNNS terbahagi kepada beberapa kategori iaitu:

- i. Akidah
- ii. Haiwan
- iii. Ibadah
- iv. Makanan dan minuman
- v. Muamalat dan ekonomi
- vi. Munakahat
- vii. Pakaian dan perhiasan
- viii. Perubatan
- ix. Syariah dan sosial
- x. Zakat

Fatwa berkaitan khurafat dan ajaran sesat terletak di bawah kategori Akidah. Kajian ini hanya akan memilih beberapa fatwa yang dikeluarkan untuk tempoh sepuluh (10) tahun kerana ia adalah antara fatwa mutakhir dan terkini.

Penyelewengan Ajaran Qadiani

Fatwa pengharaman ajaran Qadiani telah diwartakan pada 1 Oktober 2020. Sighah fatwa pengharamannya adalah seperti berikut:

“Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawantankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar, mengeluarkan fatwa berikut:

1. Ajaran Qadiani adalah ajaran sesat. Adalah dihukumkan haram bagi orang-orang Islam melibatkan diri dengan ajaran tersebut. Mana-mana orang Islam yang terlibat boleh menjadi murtad dan hendaklah segera meninggalkan ajaran tersebut dan bertaubat.
2. Bahawa pengharaman ini meliputi:
 - (a) apa-apa variasi, versi cetak, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di perenggan (1) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (b) apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, ditulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain atau apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di perenggan (1) di atas.
3. Orang-orang Islam adalah dilarang;
 - (a) mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Qadiani, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan atau aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidupkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini; atau

- (b) memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, atau apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambang, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Qadiani dengan ajaran Islam (<https://muftins.gov.my/fatwa/penyelewengan-ajaran-qadiani/>).

Fatwa pengharaman ajaran Qadiani ini dikeluarkan setelah Jawatankuasa Muzakarah MKI mengambil keputusan mengharamkan ajaran ini melalui pandangan yang dimuktamadkan dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-19 yang bersidang pada 18-19 Oktober 2016. Di Negeri Sembilan, fatwa ini telah diwartakan pada 1 Oktober 2020 (Himpunan Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus 2022). Ini memperlihatkan penyelarasan yang baik di antara institusi fatwa di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Sighah fatwa ini amat menyeluruh apabila ia menyenaraikan bentuk kesalahan dan penyelewengan yang terdapat dalam ajaran ini. Apabila disepakati bahawa amalan tersebut bercanggah dengan ajaran dan akidah Islam, maka Jawatankuasa memuktamadkan bahawa ia jelas menyeleweng daripada ajaran Islam. Orang Islam hendaklah mengelakkan diri dari terpengaruh dan beramal dengan ajaran tersebut serta hendaklah bertaubat atas kesalahan yang telah dilakukan. Sighah fatwa juga menjelaskan satu persatu setiap apa yang berkaitan dengan penyebaran ajaran ini hendaklah disekat dan diharamkan.

Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Bil 1/2017-1438H yang bersidang pada 15 Februari 2017 bersamaan 18 Jamadiawwal 1438H telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali Ke-109 berkenaan Millah Abraham @ Ibrahim dengan sighah seperti berikut:

1. Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim mengandungi perkara-perkara berikut:

- (a) Membawa ajaran Islam baharu. Ajaran Millah Abraham@Ibrahim mendakwa Kerajaan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhamad s.a.w telah lama jatuh sejak tahun 1324H. Setelah kejatuhan Islam pada tahun 1324 Hijri, pengikut Millah Abraham mendakwa bahawa golongan musyrik termasuk para ulama' telah membawa ajaran Islam yang palsu dan hendaklah bertaubat dengan memilih kembali deen Millah Abraham@Ibrahim.
- (b) Mendakwa wujud rasul selepas Nabi Muhammad s.a.w. Ajaran ini menafsirkan bahawa Allah SWT mengutuskan rasul dalam kalangan kaum mereka sendiri untuk memudahkan kaum tersebut memahami dan mengajar mereka untuk keluar daripada kesesatan. Maka, Rasul Millah Abraham diutuskan dari kalangan bangsa Melayu Nusantara untuk membaca, menyuci serta mengajar kaum Melayu Nusantara ini mengenai agama yang benar. Rasul yang dimaksudkan oleh kumpulan ini ialah Ahmad Mushaddeq. Maksud Khataman Nabiiyyin adalah kesempurnaan deen pada zaman Nabi Muhammad dan bukanlah penutup segala nabi.
- (c) Mencampuradukkan ajaran dalam al-Quran, Bible dan Taurat (Perjanjian Lama). Selain terjemahan al-Quran, kumpulan ini juga menggunakan kitab Taurat dan Injil

(Bible Perjanjian Lama dan Baru) dalam pengajian mereka kerana dalam al-Quran telah membenarkan kitab sebelum al-Quran dan juga menerangkan bahawa kitab Taurat dan Injil sebagai panduan.

- (d) Menyelewengkan Konsep صراط المستقيم (Sirotol Mustaqim). Maksud صراط المستقيم (Sirotol Mustaqim) dalam Ajaran Millah Abraham adalah merujuk kepada jalan yang benar iaitu dengan mengambil pengajaran daripada kitab-kitab Allah dan melalui sejarah di zaman Nabi Musa, Nabi Isa dan Nabi Muhammad. Justeru, hanya satu jalan sahaja yang perlu wujud untuk mengabdikan kepada Tuhan, iaitu melalui ajaran Millah Abraham. Pengikut Ajaran Millah Abraham dikehendaki mempelajari kitab-kitab terdahulu juga sebagai sumber pelajaran kerana sirotol mustaqim ada ciri-cirinya tersendiri dan perlu dipelajari melalui kitab-kitab Allah.
 - (e) Menyelewengkan Konsep hari Kiamat. Hari Kiamat dalam Ajaran Millah Abraham adalah merujuk kepada perkataan qiyam, iaitu bangkit atau tegak dan tidak ditafsirkan hari Kiamat adalah hari kehancuran, kerana Hari Kiamat hanya diketahui oleh Allah SWT sahaja. Perkataan qiyam dalam ayat ini merujuk kepada keperluan untuk menegakkan agama. Setelah zaman satu-satu umat telah habis, maka akan ada rasul baharu yang akan menegakkan deen bagi umat pada zaman tersebut. Sistem ini silih berganti sehingga keputusan Allah untuk menamatkan dunia ini.
 - (f) Menyelewengkan pemahaman Darussalam atau Syurga. Ajaran Millah Abraham berpegang bahawa Darussalam itu ada di atas muka bumi, iaitu “Dar” tempat atau kehidupan dan “as-salam” yang mensejahterakan atau damai sejahtera. Maka, Darussalam itu adalah simbol kepada model kehidupan yang damai sejahtera di atas muka bumi yang wujud apabila sistem Tuhan ditegakkan; iaitu melalui Ajaran Millah Abraham.
 - (g) Mengingkari kefardhuan solat lima waktu dan solat Jumaat. Pengikut Ajaran Millah Abraham tidak melaksanakan Solat Fardhu yang diwajibkan ke atas semua mukallaf. Mereka mengatakan solat itu merujuk kepada “sillah” iaitu hubungan dengan ajaran Millah. Makna lain ialah bersungguh-sungguh menegakkan deen melalui Millah Abraham, bukan maksud solat yang dilakukan oleh orang Islam.
2. Sehubungan dengan itu, Muzakarah memutuskan bahawa Ajaran Millah Abraham @ Ibrahim adalah menyeleweng daripada ajaran Islam.
 3. Justeru, orang Islam hendaklah menjauhi ajaran Millah Abraham@Ibrahim dan dilarang berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam yang telah berbai'ah atau mengamalkan fahaman dan ajaran ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah SWT.
 4. Semua bentuk pengajaran, penerbitan dan pengedaran bahan-bahan ajaran Millah Abraham@Ibrahim melalui apa jua medium hendaklah disekat, dihenti dan diharamkan dengan serta merta.

Fatwa ini dikeluarkan oleh JMKNNNS dalam persidangannya bertarikh 15 Februari 2017. Sebelum itu, di peringkat Persekutuan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI telah memutuskan bahawa ajaran Millah Abraham adalah menyeleweng dan bertentangan dengan

ajaran Islam pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sighah fatwa dan pandangan hukum antara kedua-dua institui fatwa ini adalah sama memperlihatkan keseragaman dalam mengeluarkan hukum dan keputusan. Ini menunjukkan bahawa ajaran salah dan yang berunsurkan khurafat adalah satu isu yang membabitkan kepentingan nasional dan wajar pihak jawatankuasa fatwa Negeri menerima pandangan hukum yang telah diputuskan di peringkat Persekutuan, lebih-lebih lagi sememangnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI adalah penyelaras isu kefatwaan di peringkat negara.

Amalan Perbomohan Ibrahim Mat Zin

Muzakarah mendapati bahawa Amalan dan upacara Perbomohan Ibrahim Mat Zin melibatkan amalan-amalan dan upacara yang menggambarkan kepercayaan khurafat dan tahyul melalui penggunaan pelbagai peralatan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil 4/2017-1438H yang bersidang pada 25 Mei 2017 bersamaan 28 Sya'aban 1438H telah bersetuju menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan memutuskan dengan sighah seperti berikut:

1. Bahawa upacara dan amalan perbomohan Ibrahim bin Mat Zin untuk apa-apa tujuan dengan menggunakan atau tidak menggunakan apa-apa objek adalah menyeleweng dan berlawanan dengan ajaran Islam
2. Oleh yang demikian, mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam adalah dilarang:
 - (a) Menganut, mengamal, menjadi ahli, menjadi pengikut, mengisytiharkan diri sebagai ahli, mengisytiharkan diri sebagai pengikut perbomohan tersebut; atau
 - (b) Memiliki, menyimpan, mencetak, menerbit, memuat naik, memuat turun, menjual, mengedar atau menggunakan apa-apa terbitan, risalah, majalah, buku, media sosial, dokumen, rakaman audio, filem amalan atau upacara perbomohan tersebut; atau
 - (c) Mengajar, menyebarkan, menghidup, membantu, menganjur, mempromosi upacara, atau amalan perbomohan tersebut, menghadiri apa-apa upacara yang dikaitkan dengan amalan perbomohan tersebut atau menyokong apa-apa aktiviti perbomohan tersebut sama ada secara langsung atau tidak langsung.
3. Mana-mana orang Islam adalah dilarang bersubahat daripada melakukan mana-mana perkara yang dinyatakan dalam perenggan (ii).
4. Mana-mana orang Islam atau kumpulan orang Islam yang telah melibatkan diri dengan upacara dan amalan perbomohan Ibrahim bin Mat Zin sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (ii) hendaklah bertaubat.

Fatwa ini telah diwartakan pengharamannya pada 1 Oktober 2020 (Himpunan Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus 2022). Jawatankuasa Muzakarah MKI terlebih dahulu dalam Persidangannya pada 27-28 Mac 2017 telah mengeluarkan pandangan hukum bahawa ajaran Ibrahim Mat Zin ini memang jelas mempunyai unsur khurafat dan perkara yang menyeleweng dari ajaran Islam.

Sighah fatwa ini dan sighah keputusan Muzakarah adalah sama menunjukkan bahawa Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan menerima sepenuhnya sighah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI tanpa sebarang pindaan. Ia menjelaskan bahawa pandangan hukum yang berkepentingan nasional yang dimuktamadkan di peringkat Persekutuan wajar diikuti dan diterima di peringkat jawatankuasa fatwa negeri.

Penyelewengan Ajaran Taslim

Sighah fatwa pengharaman ajaran Taslim ialah seperti berikut:

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 [Enakmen No. 10/2003], Jawatankuasa Fatwa dengan perkenan Yang di-Pertuan Besar, mengeluarkan Fatwa berikut-

1. Ajaran Taslim adalah ajaran sesat. Adalah dihukumkan haram bagi orang-orang Islam melibatkan diri dengan ajaran tersebut. Mana-mana orang Islam yang terlibat boleh menjadi murtad dan hendaklah segera meninggalkan ajaran tersebut dan bertaubat
2. Bahawa pengharaman ini meliputi:
 - (a) apa-apa variasi, versi cetak, bentuk atau cabang mana-mana ajaran tersebut di perenggan (1) di atas, dan termasuk apa-apa pegangan ideologi, falsafah atau sistem amalan yang tidak diakui dan bertentangan dengan syariat Islam dan pegangan oleh Ahli Sunnah Wal Jamaah;
 - (b) apa-apa bahan publisiti termasuklah apa-apa terbitan sama ada yang dicetak, ditulis, ditaip atau dikeluarkan dengan apa-apa cara lain atau apa-apa bentuk untuk dibaca, dilihat atau didengar yang berkaitan dengan ajaran di perenggan (1) di atas.
3. Orang-orang Islam adalah dilarang:
 - (a) mengamalkan ajaran, pegangan dan fahaman ajaran Taslim, menjadi ahli, mengetuai, memimpin, memberi ceramah, mengadakan kelas pendidikan dan pembelajaran, aktiviti ekonomi, sosial, program persembahan kesenian dan kebudayaan atau aktiviti-aktiviti lain yang bertujuan untuk menghidupkan, menyebarkan dan mengembangkan ajaran ini; atau
 - (b) memiliki, menyimpan, mencetak, menjual termasuk mengedarkan filem, rakaman audio, risalah, buku-buku, majalah atau apa-apa terbitan, atau apa-apa dokumen, menggunakan sebarang bentuk lambing, rajah atau tanda-tanda yang boleh mengaitkan ajaran Taslim dengan ajaran Islam.

Fatwa ini telah diwartakan pada 7 November 2013 (<https://muftins.gov.my/fatwa/penyelewengan-ajaran-taslim/>)

Ajaran TAPEDIRI 65 atau BA THA MIM 114

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 05/2015-1436H yang bersidang pada 30 Julai 2015 bersamaan 14 Syauwal 1436H telah bersetuju memutuskan Sighah Fatwa Bagi Ajaran TAPEDIRI 65 atau BA THA MIM 114 seperti berikut:

1. Penggunaan jurus dan pukul tidak kena dalam aktiviti persilatan mengandungi perkara perkara meragukan dan unsur-unsur kebatinan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam serta mempunyai persamaan dengan kumpulan Nasrul Haq yang sudah difatwakan sesat.
2. Perbuatan “Topup” bagi memberikan kembali semangat adalah khurafat dan ahli-ahli TAPEDIRI 65 dan BA THA MIM 114 perlu meninggalkan perbuatan tersebut.
3. Perbuatan mewajibkan ahli beramal sebagai syarat kemasukan ke dalam kumpulan adalah menyalahi konsep ikhlas dalam Islam.
4. Konsep dakwah melalui unsur-unsur kebatinan dalam persilatan adalah tidak boleh dilakukan kerana ia mengundang kepada kerosakan akidah yang lebih besar.
5. Semakan terhadap semua buku keluaran TAPEDIRI 65 didapati mengandungi banyak kesalahan-kesalahan yang serius.

Sehubungan dengan itu Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan memutuskan bahawa kumpulan TAPEDIRI 65 dan BA THA MIM 114 atau apa-apa kumpulan seumpamanya adalah bercanggah dengan syariah dan semua ahli kumpulan berkenaan hendaklah bertaubat daripada melakukan perkara-perkara tersebut.

Fatwa ini telah diwartakan pada tahun 2015 (<https://muftins.gov.my/fatwa/ajaran-tapediri-65-atau-ba-tha-mim-114/>). Kedua-dua sighth fatwa Ajaran Taslim dan TAPEDIRI 65 dan BA THA MIM 114 diwartakan di Negeri Sembilan sahaja mengambil kira kedua-dua ajaran ini bersifat tempatan merujuk kepada lokaliti Negeri Sembilan sahaja. Berbanding tiga fatwa yang dianalisis di atas terlebih dahulu dibahas dan diputuskan di peringkat Muzakarah Jawatankuasa MKI kerana ia mempunyai kepentingan nasional dan difatwa serta diwartakan di beberapa buah negeri lain.

Kedua-dua sighth fatwa Ajaran Taslim dan ajaran TAPEDIRI 65 dan BA THA MIM 114 ini dilihat agak menyeluruh menjelaskan ciri-ciri dan bentuk kesalahan yang terdapat dalam. Ia turut menekankan kepada larangan kepada orang Islam untuk terlibat atau mengamalkan apa sahaja ritual yang berkait dengan ajaran ini dan dalam masa yang sama menyeru kepada yang telah terlibat untuk bertaubat, memohon keampunan dan meninggalkan ajaran salah ini.

Amalan Kebatinan Dalam Persembahan Kesenian Tradisional Masyarakat Melayu

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 05/2020 yang telah bersidang pada 28 Oktober 2020 bersamaan 11 Rabi’ al-Awwal 1442H telah bersetuju memutuskan bahawa:

“Amalan-amalan kebudayaan dan kesenian tradisional, perbomohan, pawang, bersemah dan perawatan alternatif adalah haram dan dilarang sekiranya mengandungi unsur-unsur mistik dan kebatinan, tahyul serta khurafat kerana ia boleh menjejaskan akidah umat Islam”.

Sighth fatwa ini dilihat lebih umum yang pastinya berkait dengan mana-mana amalan kebatinan dan persembahan kesenian tradisional yang jika didapati ciri-cirinya mengandungi unsur khurafat adalah diharamkan. Ia akan menjadi satu asas dan fatwa pengharaman mana-mana amalan yang berkait dengannya dan dalam masa yang sama menjejaskan akidah umat islam di Negeri Sembilan. Fatwa ini tidak diwartakan kerana ia dilihat sebagai panduan umum

untuk menilai mana-mana ajaran yang jika dilihat mirip, mempunyai unsur-unsur khurafat dan ajaran sesat, ia boleh difatwakan haram di Negeri Sembilan.

Kepentingan Pewartaan Fatwa-fatwa Akidah

Fatwa-fatwa kesalahan berkaitan akidah amat penting untuk diwartakan. Ia bertujuan bagi memurnikan amalan masyarakat dari terjebak ke kancah amalan yang merosakkan dan menyesatkan. Ia juga penting dalam aspek memelihara akidah dalam kalangan masyarakat. Kajian Alias & Mohd Shauki (2018) dalam konteks institusi fatwa negeri Kedah menjelaskan bahawa ajaran-ajaran salah ini difatwakan sebagai haram atau sesat berdasarkan konsep *ṣadd al-dhara'i*, *maslahah* dan *mafsadah*. Fatwa diwartakan bagi menghalang masyarakat berpegang dan mengikutnya sebarang ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat. Malah, fatwa tersebut juga boleh diterima dan digunakan oleh Mahkamah Syariah negeri Kedah sebagai autoriti tentang semua perkara yang dinyatakan dalam Warta tersebut.

Mengikut Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri, fatwa apabila disiarkan dalam warta adalah mengikat orang-orang Islam dalam negeri berkenaan. Dalam konteks di Negeri Sembilan, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 memperuntukkan:

50. (1) Apabila disiarkan dalam Warta, sesuatu fatwa hendaklah mengikat tiap-tiap orang Islam yang berada di Negeri Sembilan sebagai ajaran agamanya dan hendaklah menjadi kewajibannya di sisi agama untuk mematuhi dan berpegang dengan fatwa itu, melainkan jika dia dibenarkan oleh Hukum Syarak untuk tidak mengikut fatwa itu dalam perkara-perkara amalan.

Fatwa yang diwartakan dianggap sah dan mengundang implikasi undang-undang kerana dikeluarkan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Akta/Enakmen/Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri (Zaini & Nur Hazirah (2022), Mohd. Kamel et. al (2021), Muna Hamzan (2021), Zanariah Dimon (2020)). Menjadi tanggungjawab institusi agama negeri mewartakan fatwa bagi tujuan mendidik masyarakat beramal dengan hukum Islam yang tepat dan betul. Pewartaan fatwa juga penting untuk menjadikan fatwa sebagai sebahagian daripada undang-undang, juga untuk melancarkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan bagi memelihara kesucian agama dari diseleweng dan disalahguna.

Pewartaan fatwa ajaran sesat juga adalah satu tindakan yang amat tepat kerana ia berautoriti dan mengikat semua orang Islam dalam negeri berkenaan. Oleh yang demikian, sekiranya seseorang itu didapati melanggar dan mengingkari fatwa yang diwartakan, maka ianya menjadi suatu kesalahan. Bahkan jika disabitkan oleh mahkamah, ianya boleh dikenakan tindakan dan hukuman sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang Islam Negeri (Mohd Kamel & Mohd Al-Adib 2020, Muna Hamzan 2021). Apatah lagi dalam usaha untuk mengekang penyebaran ajaran sesat dan salah ini amat memerlukan kepada usaha pencegahan dari sudut perundangan seperti pewartaan fatwa.

Justeru, tindakan Kerajaan Negeri Sembilan mewartakan 5 fatwa yang dibincangkan dalam kajian ini antara lainnya ialah dasar kebertanggungjawaban pihak kerajaan menyebatkan amalan khurafat dan ajaran sesat ini dari terus terdedah kepada masyarakat Islam.

Tindakan Pendakwaan Dan Penguatkuasaan Bagi Kesalahan Akidah

Apabila fatwa yang diwartakan boleh menjadi sebagai undang-undang, maka ia boleh dicegah selanjutnya untuk tujuan tangkapan dan penguatkuasaan. Berdasarkan peruntungan undang-undang Islam di Malaysia, tindakan dari sudut perundangan ini merujuk kepada akta/enakmen/ordinan Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Dalam konteks di Negeri Sembilan, Seksyen 51 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan terdapat peruntukan yang berkaitan dengan 'Fatwa yang Berlawanan':

Mana-mana orang yang memberi, menghebahkan atau mengembangkan apa-apa fatwa untuk diikuti oleh orang Islam mengenai apa-apa soalan, ajaran Islam atau Hukum Syarak, berlawanan dengan mana-mana fatwa yang dikeluarkan dengan sah oleh Mufti di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) 1991 [En. 1/1991.] adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan fatwa itu jika bertulis hendaklah dirampas dan dimusnahkan sebagaimana yang diarah oleh mahkamah dan segala penerbitannya, penjualannya dan pengedarannya hendaklah dilarang.

Seksyen 55 Enakmen yang sama memperuntukkan berkenaan 'Penerbitan agama yang berlawanan dengan Hukum Syarak' juga bertujuan sebagai pelaksanaan perundangan bagi kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam sama ada dari sudut percetakan, penerbitan dan pengedaran.

Dua peruntukan ini amat penting dalam membuktikan bahawa fatwa yang telah diwartakan perlu dihormati dan dipatuhi demi kesejahteraan hidup berlandaskan syariat Islam. Menurut Syamrahayu (2018), peruntukan bagi kesalahan-kesalahan jenayah ini diwujudkan kerana ia boleh mencegah seseorang daripada terdorong untuk melakukan perkara salah. Justeru, kesalahan jenayah seperti khurafat dan ajaran sesat turut terkait melalui enakmen ini.

Ia telah menghasilkan impak positif apabila usaha bersepadu ini telah berjaya membentaras ajaran salah melalui jumlah tangkapan di seluruh negara. Kajian Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Zaidi Daud (2022) menunjukkan usaha mengekang fahaman menyeleweng diperlihatkan melalui pencapaian angka tangkapan. Pada tahun 2015, 75 tangkapan telah berjaya dilakukan, 31 tangkapan pada tahun 2016, dan 246 tangkapan pada tahun 2017. Untuk jangka masa panjang, pemerikasaan spiritual setiap muslim wajar dipertingkatkan dan standard *sighah* fatwa turut perlu dilestarikan bagi menjamin pembasmian ajaran sesat ini dapat dilaksanakan secara lebih optimum.

Fatwa yang tidak diwartakan tidak memberi apa-apa kesan dari sudut penguatkuasaan dan pendakwaan. Isu fatwa yang tidak diwartakan seringkali menjadi halangan dalam penguatkuasaan kesalahan-kesalahan akidah secara lebih efektif. Sebagai contoh kes Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Baharin Salleh (No. Kes : 05003-137-0081-2016) yang merupakan pengasas ajaran Pakcu Baharin yang ditangkap pada tahun 2016 di Kuala Pilah. Tertuduh tidak dapat didakwa dengan kesalahan ajaran salah dan beberapa kesalahan lain kerana tidak adanya fatwa yang diwartakan berkaitan pengharaman ajaran tersebut ketika itu. Sebaliknya tertuduh hanya dipertuduhkan dengan kesalahan mengajar tanpa tauliah yang mana hukuman yang diperuntukkan lebih rendah. Situasi yang sama berlaku dalam kes Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Fuat Mohd Hashim (No. Kes 05007-137-0202-2019) yang mana tertuduh merupakan pengikut ajaran Millah Abraham yang ditangkap di sebuah rumah di

Tampin pada tahun 2019. Berdasarkan kes-kes ini dapat difahami bahawa fatwa yang diwartakan merupakan satu bentuk keterangan yang kukuh dan menjadi asas kepada penguatkuasaan kesalahan berkaitan akidah termasuklah kesalahan pelanggaran fatwa di media sosial di negara ini. Oleh yang demikian sesuatu ajaran yang dikesan menyimpang dari akidah yang sebenar perlu difatwakan dan diwartakan dengan kadar segera supaya isu sebegini tidak berlarutan pada masa akan datang.

Kesimpulan

Khurafat adalah bertentangan dengan Islam. Amalan seseorang boleh tertolak apabila mempercayai unsur-unsur khurafat berdasarkan rujukan ayat al-Quran dan Hadis Nabi Muhammad SAW. Dahulu sehingga kini ada sahaja kemunculan pelbagai ajaran yang didakwa mengikut syariat sedangkan hakikat sebenarnya bercampur aduk antara yang hak dan batil. Fatwa pengharamannya amat penting untuk diketengahkan sebagai penjelasan kepada masyarakat agar tidak terbabit sama menyertai kumpulan yang sesat ini. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Negeri Sembilan sentiasa peka terhadap kewujudan ajaran-ajaran sesat dan kemunculan fahaman salah di Negeri Sembilan. Sebarang aduan yang dikemukakan kepada JMKNS akan diambil tindakan segera untuk penyiasatan dan dikeluarkan fatwa pengharamannya agar penyebarannya dapat dibendung segera.

Garis panduan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah di peringkat Kebangsaan akan menjadi penanda aras dan rujukan kepada pewartaan fatwa di Negeri Sembilan dalam membersihkan elemen khurafat dalam pengamalan masyarakat Islam di Malaysia.

Ringkasnya, kajian ini dapat merumuskan kesimpulan berikut:

- i. Beramal dengan perkara khurafat adalah satu bercanggah dan ditolak dalam Islam.
- ii. Ajaran sesat yang berunsurkan khurafat adalah faktor utama kepada fatwa pengharaman suatu ajaran dan kumpulan tertentu.
- iii. Amalan khurafat dan kepercayaan sering sahaja muncul dalam masyarakat Islam di Malaysia amnya dan di Negeri Sembilan khasnya dan ia mesti dibenteras dan disekat perkembangannya
- iv. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan sentiasa mengambil pendekatan yang serius dalam mengeluarkan fatwa mengharamkan penglibatan orang Islam dalam aktiviti khurafat dan ajaran sesat
- v. Fatwa ajaran sesat perlu diwartakan bagi tujuan penguatkuasaan dan pendakwaan sebagai langkah membenteras agar tidak tersebar dalam masyarakat.
- vi. Penyebaran amalan khurafat dan ajaran sesat ini mesti dibendung kerana kesalahan ini boleh menyebabkan akidah seseorang batal dan terkeluar dari agama Islam.
- vii. Langkah pencegahan ini wajar dilakukan melalui kaedah perundangan termasuk menguatkuasakan hukuman bagi kesalahan akidah dan mengeluarkan fatwa pengharamannya serta mewartakan mengikut saluran undang-undang.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penghasilan artikel ini, terutama kepada rakan penulis dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dalam pengumpulan data maklumat sehingga artikel ini berjaya diterbitkan. Terima

kasih juga kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Global Academic Excellence (M) Sdn. Bhd. atas penghargaan dan sokongan dalam penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Hamid, M. F. & Sulaiman, I., (2017). Impact of Integrated Management on the Development of Tarekat Tasawuf in Negeri Sembilan, Malaysia. *Jurnal Intelek*. Vol. 12 Issue 2, 1-10.
- Adam, F., Abdul Kadir F.K. & Mohad, A.K. (2014). *Al-Bid'ah al-I'tiqadiyyah: Faktor Kemunculannya dalam Masyarakat Melayu dan Ruang Dakwah yang Masih Terbuka*. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 November.
- Ahmad, D. (1976). *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Marbawi, M. I. (1998). *Kamus Idris al-Marbawi*. (3rd ed.). Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man.
- Al-Munjid al-Wasit Fi al-Arabiah al-Muasirah*. (2012). (2nd ed.). Beyrut: Dar al-Mashriq.
- Azhar, A., & Muhammad Baderuddin, M. S. (2018). Prosedur Istinbat dan Pewartaan Fatwa Ajaran Sesat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan: The Issuance Procedure and Gazetting Fatwa of Deviant Teaching in Kedah State: an Overview. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 86–99.
<https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.156>.
- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. (1994). *Kriteria-kriteria Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Sdn. Bhd.
- Bogdan, R. C. & Biklen S. K. (2003). *Qualitative Research for Educations: An Introduction to Theories and Methods*. USA: Pearson Education Group Inc.
- Daud, A. (n.d.). *Sunan Abi Daud*. Beyrut: al-Maktabah al-Asriyyah, kitab al-tibb, bab al-tayrah. Vol. 4.
- Dimon, Z. (2019, 5 November). *Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia* [Conference session]. 5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019), Tenera Hotel, Bangi, Selangor.
- Dimon, Z. (2020). Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 3(1), 116-129.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Engku Alwi, E. A. Z. (2007). Kajian Ajaran Sesat dalam Pengajian Islam: Satu Sorotan. *Jurnal Usuluddin*, 26, 1–22. Retrieved from <https://vmis.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/5411>.
- Hamzan, M. (2021). Prosedur Pewartaan Fatwa Ajaran Salah Berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dalam Menangani Isu Penyelewangan Akidah di Negeri Kelantan. *International Journal of al-Quran and Knowledge* 1(2), 26-38.
- Hamzan, M. (2021). Prosedur Pewartaan Fatwa Ajaran Salah Berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 Dalam Menangani Isu Penyelewangan Akidah Di Negeri Kelantan: [Fatwa False Teaching's Gazette Procedure Based on Islamic Council and Kelantan Malay Custom 1994 In Dealing With The Issue Of Perversion Of Faith In Kelantan State]. *KQT EJurnal*, 1(2), 26–38. Retrieved from <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/32>.
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/>
<https://i-fiqh.islam.gov.my/portal/>

<https://www.muftins.gov.my/v1/en/>

<https://www.yadim.com.my>

Iksan, Z. (2011). *Amalan Penyoalan Lisan Guru Kimia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Elektrokimia*. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Istilah Usuluddin dan Falsafah Islam. (1991). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2010). *Penjelasan Ciri-Ciri Utama Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Fatwa-Fatwa Yang Diwartakan*. (2nd ed). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Himpunan Garis Panduan Yang Diperakui Oleh Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. (2nd ed.). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Kompilasi Pandangan Hukum Jawatankuasa Muzakarah Kebangsaan*. (6 ed.). Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. (2022). *Himpunan Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus*. Seremban: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khambali @ Hambali, K. M., & Daud, M. Z., (2022). *Pemeriksaan Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Ke Arah Penguatkuasaan dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa*. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1), 88- 119.

Long, A. S. (2009). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam [Introduction to Islamic studies research methodology]* (5th ed.). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mat Salleh, M.K., & Samuri, M. A. A. (2020). *Autoriti Fatwa & Pendapat Mufti dalam Undang-Undang di Malaysia*. UKM Press.

Mat Salleh, M.K., Bahori, A. Yahya, M. A. (2021). *Position of Fatwa in The Constitution: A Legal Analysis*. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 29(24), 2171-2188.

Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco: Jossey-Bass

Miles, M. B. & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. 2 Thousand Oak California: Sage Publication.

Mohd Khasim, M. I. A. (2016, September 15). *Haram amal, percaya khurafat*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/192776/haram-amal-percaya-khurafat>

Mohd Zurita, N. A. A. & Engku Alwi, E. A. Z. (2022). *Penyelewengan Akidah dalam Ajaran Sesat di Malaysia: Satu Analisis*. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. 23(2), 197-206.

Muslim. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Kitab al-Aqdiyah, Bab Naqd al-Ahkam al-Batilah wa Radd Muhdathat al-Umur. Vol. 3.

Muslim. (n.d.). *Sahih Muslim*. Beyrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi. Kitab al-Aqdiyah, Bab Naqd al-Ahkam al-Batilah wa Radd Muhdathat al-Umur. Vol. 3.

Mustafa, I., al-Zayyat, A.H., Abd al-Qadir, H. & al-Najjar, M. A., (1972). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Vol. 1. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiah.

Nasohah, Z. & Zainal Abidin, N. H. (2022). *Autoriti Fatwa dalam Institusi Pemerintahan di Wilayah Persekutuan*. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*. 27 (2). 34-40.

Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Fuat Mohd Hashim (No. Kes 05007-137-0202-2019).

Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Baharin Salleh (No. Kes : 05003-137-0081-2016).

Senik, M. Y. (1995). Kepercayaan Khurafat Tentang Saidina Ali di Kalangan Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Usuluddin*. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/2927>.

Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran. (1992). (6th.ed.). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Yasin, M. N., (n.d.). *al-Iman: Arkanuh, Haqiqatuh, Nawaqiduh*. Kaherah: *Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah*.